

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]

TARIKH : 07 NOVEMBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah hasil perbincangan oleh pihak Kementerian tentang visi dan misi dalam penambah baikkan untuk peluang pekerjaan bagi semua lapisan masyarakat dan berapa kaliakah pertemuan telah dilakukan oleh pihak Yang Berhormat Menteri bersama rakyat di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Visi dan misi Kerajaan Pakatan Harapan adalah selaras dengan hasrat dalam Manifesto Pakatan Harapan iaitu untuk menyediakan 1 juta peluang pekerjaan dalam masa 5 tahun pertama pentadbiran serta meningkatkan kualiti pekerjaan dan kadar guna tenaga mahir. Bagi mencapai hasrat ini, beberapa inisiatif sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan adalah:

- (i) meningkatkan pelaburan nilai tinggi melalui *foreign direct investment* (FDI) dan *domestic direct investment* (DDI) bagi meningkatkan penghasilan pekerjaan yang bersifat *high value jobs* dan *knowledge worker (k-worker)*

SOALAN NO : 20

agar kadar upah yang tinggi dapat dinikmati oleh golongan ini;

- (ii) melaksanakan latihan-latihan kemahiran yang bersifat *internship* seperti latihan Sistem Latihan *Dual* Nasional (SLDN) untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar;
- (iii) menyediakan insentif-insentif untuk syarikat bagi memperbanyakkan elemen-elemen berteknologi tinggi yang dijangka akan meningkatkan jumlah peluang pekerjaan berkemahiran tinggi; dan
- (iv) mengadakan sesi libat urus bersama industri bagi membincangkan isu sekali gus mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

2. Selain itu, antara langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan adalah seperti beberapa inisiatif yang telah diumumkan dalam Pembentangan Bajet 2020 oleh Menteri Kewangan iaitu:

- (i) penyediaan insentif kewangan untuk menggajikan penganggur, wanita dan warganegara Malaysia bagi menggantikan pekerja asing;
- (ii) meningkatkan insentif bagi program perantisan;
- (iii) kajian semula Akta Kerja untuk meningkatkan tempoh cuti bersalin, perluasan liputan akta dan memasukkan elemen peruntukan anti-diskriminasi dalam pekerjaan;
- (iv) cadangan peningkatan kadar gaji minimum di bandar kepada kadar gaji RM1,200 sebulan; dan

SOALAN NO : 20

- (v) cadangan perluasan KWSP dan SOCSO untuk meliputi pekerja kontrak, sambilan dan golongan yang bekerja sendiri.
3. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian telah mengadakan pelbagai sesi libat urus antara YB Menteri Sumber Manusia dengan rakyat. Antaranya adalah:
- (i) Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan pada setiap hari Selasa di KSM yang mana YB Menteri Sumber Manusia akan turun padang berjumpa rakyat pada hari tersebut bagi mendengar isu-isu yang dibangkitkan sekali gus mengambil pandangan daripada rakyat;
 - (ii) Mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan(NLAC) yang diadakan setiap bulan bagi membincangkan isu-isu yang melibatkan pekerja dan majikan, dan disusuli dengan mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bagi isu-isu spesifik;
 - (iii) Mesyuarat YB Menteri Sumber Manusia bersama YB EXCO Sumber Manusia Negeri yang diadakan 2 kali setahun bagi membincangkan potensi bagi meningkatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam memperkasakan sumber manusia dan memantapkan pentadbiran perburuhan negara; dan
 - (iv) Sesi dialog YB Menteri Sumber Manusia bersama Ketua-Ketua Eksekutif Syarikat yang diadakan 2 kali setahun bagi membincangkan isu-isu dalam memelihara keharmonian perhubungan perusahaan dan memastikan liputan jaringan keselamatan sosial yang menyeluruh kepada masyarakat di Malaysia.